MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2026

Rujukan : Bil (10) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 3

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

12 Februari 2026

Setiausaha Bandaraya,

Semua Ketua Jabatan / Unit,

Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan / Puan,

PINDAAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN – KUMPULAN K SEWAAN ATAU PAJAKAN.

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung perkara ini, arahan kewangan ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi arahan pelaksanaan berkaitan Pindaan Kadar Cukai Perkhidmatan di bawah Kumpulan K (Sewaan atau Pajakan) yang akan berkuat kuasa di Majlis Bandaraya Ipoh mulai 1 Januari 2026, selaras dengan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan No. 3) 2026 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia / Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

3. Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan telah mengeluarkan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2/2025 (Pindaan No.3) pada 23 Januari 2026 adalah berkaitan **pindaan kadar daripada 8% kepada 6%.** Pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 2% atas kadar cukai perkhidmatan sewaan atau pajakan diberikan sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan bermula 1 Januari 2026.

4. Sehubungan dengan itu, dilampirkan juga Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2/2025 (Pindaan No.3) daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai rujukan serta perhatian tuan/puan. **(Lampiraan A)**

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2026

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan /puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Pelaksanaan arahan kewangan ini adalah serta merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"IPOH BESTARI SEJAHTERA"
"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH)
Datuk Bandar Ipoh
Majlis Bandaraya Ipoh

"PERAK SEJAHTERA 2030"

DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 2/2025 (Pindaan No.3)

MENTERI KEWANGAN di bawah kuasa melalui peruntukan seksyen 34(3)*(a)* dan 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran dan mengenakan cukai perkhidmatan bagi –

PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU PAJAKAN
Kumpulan K, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri diberi pengecualian daripada mengenakan dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**.
2.	Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan mulai 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**.
3.	Kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula *(non-reviewable contracts)* diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan; (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai; (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan dimeterai duti setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; (d) Kontrak dengan jelas menyatakan: (i) jenis perkhidmatan yang disediakan; (ii) nilai kontrak yang tetap; (iii) tempoh kontrak; dan

CamScanner

BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(e) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025.**
4.	Penyewa yang berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) diberikan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajakan.	(a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengikraran PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); (b) Jualan tahunan PMKS hendaklah tidak melebihi RM1,500,000.00 berdasarkan pendapatan tahunan tahun taksiran terkini yang diikrar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); (c) Jualan tahunan PMKS hendaklah dikemaskini setiap tahun kepada JKDM; (d) Penyewa hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diikrar kepada JKDM; (e) Sekiranya pengikraran yang dibuat oleh PMKS didapati tidak benar, maka pihak JKDM boleh memungut semula cukai perkhidmatan yang tidak layak dikecualikan di bawah peruntukan seksyen 34(5), Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan (f) Lain-lain syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam, Timbalan Ketua Pengarah Kastam atau Penolong Ketua Pengarah Kastam (Cukai Dalam Negeri) bagi tujuan kelancaran operasi dan kawalan. Mana-mana PMKS yang telah berdaftar melalui sistem MyPMK sebelum atau pada 31 Disember 2025, pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

CamScanner

BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		Mana-mana PMKS berdaftar melalui sistem MyPMK mulai 1 Januari 2026, pengecualian ini berkuat kuasa mulai tarikh pendaftaran dalam sistem MyPMK.
5.	Pengecualian daripada membayar cukai diberikan kepada syarikat dalam suatu kumpulan yang menerima perkhidmatan sewaan atau pajakan daripada mana-mana syarikat lain dalam kumpulan yang sama *(group relief)*, sama ada di dalam atau di luar Malaysia sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan.	Rujuk **LAMPIRAN A.** Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025.**
6.	Perkhidmatan sewaan atau pajakan pesawat udara dan kapal laut diberi pengecualian cukai perkhidmatan.	(a) Semua pesawat udara tidak termasuk dron. (b) Kapal laut meliputi apa-apa kapal yang berlayar atau bergerak di atas air atau di dalam air tetapi tidak termasuk *floating storage unit* (FSU) dan seumpamanya. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025.**
7.	Kemudahan pengecualian *business to business* (B2B) ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 31 Ogos 2025 diberikan kepada penyedia perkhidmatan sewaan atau pajakan yang baharu mencapai nilai ambang dalam bulan Julai 2025 dan telah memohon pendaftaran cukai perkhidmatan sebelum atau pada 31 Ogos 2025.	(a) Tuntutan pembayaran balik *(refund)* ke atas cukai perkhidmatan yang telah diikrar dan dibayar dalam penyata SST-02 adalah dibenarkan dan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 30 November 2025; dan (b) Tuntutan tersebut dibuat oleh pemberi perkhidmatan sewaan atau pajakan selepas memulangkan semula amaun cukai perkhidmatan yang telah dipungut kepada penerima perkhidmatan sewaan atau pajakan. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025.**

CamScanner

BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
8.	Pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 2% atas kadar cukai perkhidmatan **sewaan atau pajakan** diberikan sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.
9.	Penyewa berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang baharu menubuhkan perniagaan diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajakan. PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan layak untuk menikmati layanan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan dan pajakan.	Pengecualian ini adalah bagi tempoh 1 tahun mulai dari tarikh pendaftaran PMKS dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi yang seumpamanya di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada syarat berikut: (a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengikraran PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); (b) PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan hendaklah mengemukakan penyata cukai pendapatan kepada LHDN bagi melayakkannya mendapatkan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan selepas tempoh satu (1) tahun sedia ada tamat; dan (c) Mengemaskini maklumat pengisytiharan pendapatan LHDN ke dalam sistem MyPMK pada tahun berikutnya selepas tarikh pendaftaran SSM. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.

CamScanner

LAMPIRAN A
DCP Bil. 2/2025 (Pindaan No. 3)

Syarat-Syarat Pelepasan Dalam Kumpulan *(Group Relief)* Diberikan Kepada Syarikat Dalam Suatu Kumpulan Yang Menerima Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan Daripada Mana-Mana Syarikat Lain Dalam Kumpulan Yang Sama, Sama Ada Di Dalam Atau Di Luar Malaysia

1. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan dalam ruang (2) dalam Kumpulan K kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.

2. Suatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal suatu syarikat yang lain jika—

   (i) syarikat pertama yang disebut memegang—

      (a) secara langsung;

      (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau

      (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,

      lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut; atau

   (ii) syarikat pertama yang disebut memegang—

      (a) secara langsung;

      (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau

      (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,

      daripada dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

CamScanner

3. Saham hendaklah disifatkan sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang—

   (i) melalui penama;

   (ii) dalam suatu sifat fidusiari; atau

   (iii) menurut peruntukan pemegang debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.

4. Jika suatu syarikat dikawal menurut perenggan 2(i) dan (ii) oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama yang disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

5. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memperoleh perkhidmatan sewaan atau pajakan daripada mana-mana syarikat selain daripada orang berdaftar asing dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.

6. Jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di luar atau di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah menjadi perkhidmatan bercukai.

7. Walau apa pun di perenggan 6, jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan sewaan atau pajakan yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah dikecualikan daripada kenaan cukai perkhidmatan dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat itu dalam tempoh 12 bulan tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan.

CamScanner

Makluman:
Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 1) dan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 2) adalah **dibatalkan** dan digantikan dengan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 3).

Penafian:
Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CamScanner